

05/02/2002

Malaysia dipandang serong angkara media

Hishamuddin Aun

NEW YORK, Isnin - Kebencian terhadap umat Islam turut menjejaskan Malaysia tetapi ia kekal stabil, bebas daripada penganas serta tidak menaruh niat buruk terhadap mana-mana rakyat asing, termasuk Amerika Syarikat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun Malaysia dipandang serong selepas peristiwa 11 September 2001, ia angkara gambaran salah ciptaan media tertentu.

"Sudah tentu kita turut terjejas dengan kebencian ramai terhadap umat Islam. Sebahagian media menyatakan kami tapak pelancar serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia.

"Andainya kami dapat menangkap beberapa pelancong Arab, serangan itu dapat digagalkan. Tetapi kita semua juga tahu untuk tempoh setahun atau lebih, penganas ini menjalani latihan di Amerika.

"Mereka tidak ditangkap kerana pihak berkuasa tidak tahu siapa dan apa yang dirancang mereka. Begitu juga kami," katanya pada majlis makan tengah hari Sidang Puncak Pelaburan Malaysia anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli) dan Salomon Smith Barney di sini hari ini.

Turut berucap pada majlis dihadiri kira-kira 100 tokoh perniagaan itu ialah Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, dan Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE), Datuk Mohd Azlan Hashim.

Dr Mahathir berkata, satu-satunya keadaan yang dapat menghalang ekonomi Malaysia daripada terus terjejas ialah mengharapkan semua rakan dagangannya dan Amerika dapat berkembang.

Amerika, katanya, adalah pelabur dan rakan dagangan terbesar Malaysia dengan menyumbang masing-masing 20 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing dan jumlah dagangan.

"Apabila Amerika berkembang, eksport kami meningkat, pengeluaran bertambah, pendapatan meningkat dan kami juga berkembang.

"Tetapi apabila Amerika mengalami kemelesetan, kami turut terjejas. Sebab itulah kami menolak tanggapan 'memiskinkan jiran', sebaliknya mengamalkan dasar 'memakmurkan jiran'," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia yang majoriti penduduknya Islam bukan negara penganas sebagaimana digambarkan sesetengah pihak, sebaliknya stabil dan aman hasil toleransi pelbagai kaum.

Katanya, di sebalik kewujudan sebuah parti pembangkang Islam dan segelintir ekstremis Islam dan bukan Islam yang mahu menghuru-harakan negara di luar proses demokrasi, Malaysia berupaya menangani mereka secara berkesan menerusi perundangan dan kaedah yang kini turut diamalkan kebanyakan negara liberal.

"Dalam suasana kegugupan dunia selepas 11 September, kami berusaha merangsang ekonomi dengan menggalakkan pelaburan tempatan, eksport ke pasaran bukan tradisi dan mengagihkan lebih banyak wang untuk rakyat berbelanja.

"Hasilnya, kami percaya kami lebih baik daripada kebanyakan negara lain yang terjejas dengan perkembangan di Amerika," katanya.

Dr Mahathir berkata, gelora dan kekacauan serantau serta ketidaktentuan global kini sekadar mengukuhkan hasrat Malaysia untuk kekal stabil.

"Kami tahu adalah lebih mudah untuk menumpukan langkah mengatasi kekacauan luaran jika kami tidak terganggu oleh gelora dalaman. Kami sudah menghasilkan satu pendekatan agak canggih untuk menangani krisis.

"Kestabilan politik dan ekonomi saling memerlukan. Salah satu ciri

kerajaan Malaysia ialah sentiasa memiliki majoriti besar, lazimnya dua pertiga. Kerajaan lemah tidak mungkin berkesan dalam menyelesaikan krisis.

"Hakikat yang harus diakui ialah Malaysia adalah negara yang lebih stabil dari segi politik dan berupaya memastikan dalam keadaan gelora dan ketidaktentuan global, ekonominya kekal kukuh," katanya.

(END)